

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 JANUARI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10

### Geran usahawan terjejas

# Geran usahawan terjejas

Kerajaan pertimbang bantuan tambahan bagi ringankan beban usahawan mikro terlibat banjir

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**K**erajaan mempertimbangkan geran khusus bagi meringankan beban ditanggung usahawan mikro dan informal yang terjejas akibat banjir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, inisiatif tersebut akan diumumkan selepas ia diperhalusi dan dimuktamadkan.

“Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) hari ini ( Isnin ) bersetuju mempertimbangkan bantuan berbentuk geran khusus selain bantuan kewangan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan,” katanya dalam kenyataan selepas mempergerusikan mesyuarat tersebut pada Isnin.

Ismail Sabri berkata, Kementerian Kewangan (MOF) akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Kementerian Pembangunan Usahawan



Ismail Sabri (dua dari kanan) mempergerusikan mesyuarat EAC yang disertai Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (kanan) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed di Putrajaya pada Isnin.

dan Koperasi (MEDAC), kementerian, agensi berkaitan serta dewan-dewan perniagaan bagi memperhalusi cadangan yang telah dibentangkan untuk pertimbangan kerajaan.

“Lawatan susulan ke lokasi yang dikenal pasti akan diadakan bagi memastikan program bantuan banjir perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) sampai ke kumpulan sasar.

“Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia kekal terjamin,” katanya.

Beliau berkata, mesyuarat itu turut mendengar keluhan daripada dua usahawan PMKS dari Taman Sri Muda, Shah Alam dan Taman Sri Nanding, Hulu Langat yang terjejas teruk bagi mendapatkan gambaran sebenar kerugian, kesan dan masalah yang mereka hadapi.

Sebelum ini, kerajaan memperkenalkan pakej Bantuan Banjir Keluarga Malaysia berjumlah RM1.4 bilion yang merangkumi bantuan tunai, pembaikan rumah dan fasiliti awam pada penghujung tahun lalu.